



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 27 JUN 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	TEKANAN HARGA BERAS GLOBAL, POLISI PENGEKSPOORT PUNCA KEKURANGAN BERAS TEMPATAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PERUNTUKAN RM70.12 PACU INDUSTRI AGROMAKANAN DI JOHOR - ARTHUR KURUP, BERITA RTM -ONLINE BANYAK FAKTOR KEKURANGAN BPT, DEWAN RAKYAT, HM -13 HASIL PADI SELANGOR MEROSOT AKIBAT KEMARAU, PENYAKIT BPB, SABAK BERNAM, SH -24	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5.	ANGGUR JADI PRODUK TARIKAN PELANCONGAN KE JERANTUT, GAYA TANI, UM -24 & 25	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6. 7. 8.	KELANTAN PERKENAL USAHAWAN DAPUR HIJAU, TIMUR, HARAKAH -14 WELCOMED BIZ INITIATIVES, MUKA DEPAN, THE STAR -1 JOHOR ENTREPRENEURS LAUD STATE ASSISTANCE, NEWS, THE STAR -2	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Tekanan harga beras global, polisi pengesport punca kekurangan beras tempatan



Mohamad Sabu

KUALA LUMPUR – Ketidaktentuan harga beras global dan polisi pengesport yang membataskan eksport beras ke luar negara menyebabkan negara ini masih kekurangan bekalan bahan makanan tersebut.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, keadaan ini mengakibatkan peningkatan harga

beras putih import (BPI) dan menyaksikan lonjakan permintaan beras putih tempatan (BPT) memandangkan harganya yang murah dan dikawal pada RM26 per 10 kilogram.

“Pengeluaran beras negara pada masa ini adalah pada kadar sara diri (SSR) 62% dan sudah pasti jumlah ini tidak dapat menampung keperluan domestik,” katanya menjawab soalan Dr Halimah Ali (PN-Kapar).

Ahli Parlimen pembangkang itu mahu kerajaan memperincikan apakah yang menyebabkan ramai penduduk mengadu beras tempatan tidak diperoleh di kedai yang mereka lazimi dan berapa premis, peniaga, pemborong yang ditangkap dan dikenakan hukuman kerana menyorok beras tempatan.

Dalam pada itu, Mohamad juga berkata, kemerosotan kadar tukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika (USD) turut menyumbang kepada kekurangan bekalan BPT negara.

Malah faktor ketidaktentuan cuaca seperti kemarau berpanjangan dan masalah penyakit padi menyumbang kepada penurunan pengeluaran beras negara yang signifikan.

“Melihat kepada situasi ini, Kementerian telahpun mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pelbagai langkah intervensi untuk memastikan penduduk mempunyai akses kepada BPT.

“Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT), Operasi Jamin (OP JAMIN), Arahan Had Pembelian Maksimum kepada pembeli bagi setiap beras putih tempatan dan Program Khas Beras Putih Tempatan masih diteruskan dan pengedaran BPT dipergiat melalui pelbagai platform seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) serta jualan Agro Madani dan langkah intervensi ini dipantau oleh Kementerian melalui Kawalselia Padi Beras (KPB), KPKM,” jawab Mohamad lagi.

Tambah Mohamad lagi, dalam mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 19 Mac lalu telah bersetuju agar semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli pengilang berjumlah 140,000 tan metrik diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta merta.

Malah pengedaran BPT diluaskan melalui Jualan Agro Madani oleh FAMA dan LPP dan semua kontrak Kerajaan menggunakan sepenuhnya beras BPI. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Tekanan harga beras global, polisi pengesport punca kekurangan beras tempatan



Mohamad Sabu

KUALA LUMPUR – Ketidaktentuan harga beras global dan polisi pengeksport yang membataskan eksport beras ke luar negara menyebabkan negara ini masih kekurangan bekalan bahan makanan tersebut.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, keadaan ini mengakibatkan peningkatan harga beras putih import (BPI) dan menyaksikan lonjakan permintaan beras putih tempatan (BPT) memandangkan harganya yang murah dan dikawal pada RM26 per 10 kilogram.

“Pengeluaran beras negara pada masa ini adalah pada kadar sara diri (SSR) 62% dan sudah pasti jumlah ini tidak dapat menampung keperluan domestik,” katanya menjawab soalan Dr Halimah Ali (PN-Kapar).

Ahli Parlimen pembangkang itu mahu kerajaan memperincikan apakah yang menyebabkan ramai penduduk mengadu beras tempatan tidak diperoleh di kedai yang mereka lazimi dan berapa premis, peniaga, pemborong yang ditangkap dan dikenakan hukuman kerana menyorok beras tempatan.

Dalam pada itu, Mohamad juga berkata, kemerosotan kadar tukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika (USD) turut meyumbang kepada kekurangan bekalan BPT negara.

Malah faktor ketidaktentuan cuaca seperti kemarau berpanjangan dan masalah penyakit padi menyumbang kepada penurunan pengeluaran beras negara yang signifikan.

“Melihat kepada situasi ini, Kementerian telahpun mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pelbagai langkah intervensi untuk memastikan penduduk mempunyai akses kepada BPT.

“Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT), Operasi Jamin (OP JAMIN), Arahan Had Pembelian Maksimum kepada pembeli bagi setiap beras putih tempatan dan Program Khas Beras Putih Tempatan masih diteruskan dan pengedaran BPT dipergiat melalui pelbagai platform seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) serta jualan Agro Madani dan langkah intervensi ini dipantau oleh Kementerian melalui Kawalselia Padi Beras (KPB), KPKM,” jawab Mohamad lagi.

Tambah Mohamad lagi, dalam mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 19 Mac lalu telah bersetuju agar semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli pengilang berjumlah 140,000 tan metrik diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta merta.

Malah pengedaran BPT diluaskan melalui Jualan Agro Madani oleh FAMA dan LPP dan semua kontrak Kerajaan menggunakan sepenuhnya beras BPI. — MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2024	BERITA RTM	ONLINE	

Peruntukan RM70.12 pacu industri agromakanan di Johor-Arthur Kurup



Timbalan Menteri KPKM, Datuk Arthur Joseph Kurup bersama Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi/ Foto Facebook Menteri Besar Johor

JOHOR BA HARU, 26 Jun-Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperuntukkan RM70.12 juta dalam usaha untuk memacu industri

agromakanan di Johor tahun ini.

Timbalan Menteri KPKM, Datuk Arthur Joseph Kurup dalam kenyataan medianya hari ini memaklumkan peruntukan berkenaan adalah untuk menjayakan projek-projek pembangunan, meliputi sektor ternakan, tanaman, akuakultur dan pemerkasaan industri nenas di negeri berkenaan.

Selain itu, dana tersebut juga bertujuan menggiatkan aktiviti pemasaran dan eksport hasil pertanian, selain pembangunan usahawan agro di Johor.

Ujar Arthur, daripada jumlah tersebut, RM19.2 juta diperuntukan di bawah program kerjasama KPKM dengan Kerajaan Johor bagi mengoptimumkan penggunaan tanah kearah keterjaminan makanan nasional.

Pada 2022, Johor menjadi penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi sektor pertanian Negara, dengan nilai RM17.3 billion.

Arthur sebelum itu mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi di Iskandar Puteri, di sini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2024	HARIAN METRO	DEWAN RAKYAT	13

Banyak faktor kekurangan BPT

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan terdapat banyak faktor yang menyebabkan kekurangan beras putih tempatan (BPT) di negara ini.

Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, antaranya adalah tekanan ketidakpastian harga beras global dan polisi pengeksport yang membataskan eksport beras ke luar negara menyebabkan negara masih kekurangan bekalan bahan makanan itu di pasaran.

“Ini mengakibatkan peningkatan harga Beras Putih Import (BPI) dan me-

nyaksikan peningkatan permintaan BPT memandangkan harganya yang murah dan dikawal pada harga RM26 per 10 kilogram (kg).

“Pengeluaran beras negara pada masa ini adalah pada kadar sara diri (SSR) 62 peratus dan sudah pasti, jumlah ini tidak dapat menampung keperluan domestik,” katanya dalam jawapan bertulis di Parlimen semalam menjawab pertanyaan **Dr Halimah Ali (PN-Kapar)** mengenai sebab orang ramai mengadu beras tempatan tidak diperolehi di kedai yang mereka sering kunjungi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2024	SINAR HARIAN	SABAK BERNAM	24

Sebanyak 14 peratus daripada lebih 17,000 hektar tanaman padi terjejas

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SABAK BERNAM



Hasil pengeluaran padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor merosot berbanding musim tanaman sebelumnya akibat kemarau dan serangan penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB).

Pengaruhnya, Rivoldiantoe Basran berkata, cuaca tidak menentu terutama kemarau menyebabkan beberapa kawasan tanaman di Sungai Besar lewat menerima kemasukan air.

"Apabila air dari terusan Ban Kenal dilepaskan pada waktu tertentu, tidak semua blok pengairan menerima bekalan air serentak.

"Sebaliknya ia akan melalui Sawah Sempadan di Tanjong Karang terlebih dahulu dan kemudian barulah melalui sistem

pengairan di Sungai Besar.

"Kita harap, kawasan yang lambat menerima bekalan air ini menggunakan pam bagi mendapatkan bekalan air dari parti berhampiran sekali gus menyalurkan ke kawasan tanaman padi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Karnival Padi IADA Barat Laut Selangor di sebuah inap desa, di Peket 60 Sungai Besar, pada Rabu.

Rivoldiantoe berkata, bagi menangani masalah itu, pihaknya juga akan memastikan jadual penanaman semula itu dilakukan pada masa tertentu dan bukan pada waktu kemarau.

Katanya, selain itu, pesawah di kawasan IADA Barat Laut Selangor juga turut terjejas akibat tanaman padi mereka dijangkiti penyakit BPB.

Jelas beliau, sebanyak 14

Hasil padi Selangor merosot akibat kemarau, penyakit BPB



Rivoldiantoe (enam dari kanan) bergambar bersama tetamu dan pesawah yang menerima anugerah pada Karnival Padi IADA Barat Laut Selangor di sebuah inap desa di Peket 60 Sungai Besar, pada Rabu.

peratus dari lebih 17,000 hektar tanaman padi di kawasan pengairan itu diserang penyakit bakteria itu.

"BPB disebabkan oleh bawa-

"Serangan BPB menyebabkan hasil pengeluaran keseluruhan di kawasan ini pada musim lalu hanya mencapai 4.92 tan metrik sahaja," tambahnya.

Anggur jadi produk tarikan pelancong

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
gayautusan@mediamula.com.my

POKOK anggur pelbagai varieti boleh ditanam dan berbuah lebat yang rasanya manis dalam iklim Malaysia.

Hakikat itu dibuktikan Syed Norhaimi Syed Zin dari Taman Perumahan Batu Embun, Jerantut yang menghapuskan stigma bahawa anggur hanya mampu hidup subur di negara Eropah.

Syed Norhaimi menanam 20 varieti anggur dari pelbagai negara seperti Ukraine di Pusat Pertanian Temin (PPT), Jerantut.

Antaranya *Heliador, Jubilee, Velez, Dixon, Rumba, Baikunur, Jupiter, Lora, Beauty Krasotka, Krasava, Ninel, Banana, Golden Muscat, Faith* dan *Monte Cristo*.

Projek tanaman anggur di PPT bermula April 2022 dan kini pokok berusia lebih dua tahun sudah tiga kali berbuah dengan rasa manis setanding dengan kualiti negara asal.

"Insya-Allah ia akan berbuah lebat lagi selepas ini. Pokok juga makin matang dan mampu menghasilkan gugusan buah lebih banyak dengan saiz yang lebih besar," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di Pusat Pertanian Temin (PPT), baru-baru ini.

Ada tiga rumah perlindungan hujan yang menempatkan 22 hingga 32 pokok yang hidup subur di sini.

Tumbuhan menjalar ini berpotensi menjadi tanaman tempatan yang popular



Pengunjung diberi penerangan mengenai varieti anggur yang boleh berbuah subur di negara ini selain diberi pendedahan mengenai aspek pembajaan, kawalan penyakit dan teknik membuah anggur."

SYED NORHAIMI SYED ZIN

selain menjadi tarikan pelancongan domestik kerana pengeluarannya yang produktif.

Syed Norhaimi berkata, berbeza dengan negara asal yang ada empat musim, tanaman anggur di Malaysia boleh berbuah sepanjang masa tanpa terikat dengan musim.

ELAK JEMU

Syed Norhaimi mula menanam anggur ketika Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan Covid-19 pada tahun 2020 lalu.

Untuk menghilangkan rasa jemu kerana pergerakan terhad, Syed Norhaimi banyak melayari media sosial dan secara tidak langsung melihat



SYED NORHAIMI Syed Zin (kiri) bersama Pengarah Risda Pahang menunjukkan pelbagai jenis anggur terdapat di projek tanaman anggur di Taman Pertanian Temin, Jerantut Pahang.

ada orang tempatan yang menanam anggur dengan subur.

"Saya teruja ada orang boleh membuah anggur dengan mudah. Saya lantas mengikuti kursus secara dalam talian bagi meningkatkan ilmu.

"Malah turut membeli beberapa jenis benih dengan harga RM300-RM400 sepokok dan mula menanam dalam pasu di tepi rumah," katanya. Dalam banyak jenis anggur, *Jupiter* paling sesuai di tanam di kawasan rumah kerana mudah berbuah. Ia turut memiliki kelebihan memiliki rasa yang manis, beraroma dan rasa seperti markisa dan laici.

Menurut Syed Norhaimi, kejayaan menanam anggur, turut menarik perhatian Jabatan Pertanian Jerantut untuk menawarkan kawasan di PPT bagi membangunkan projek tanaman komersial.

"Anggur ditanam mampu mengeluarkan hasil dalam masa enam bulan sahaja. Pokok yang baharu tiga bulan ditanam sudah mengeluarkan bunga. Seterusnya boleh dituai

bagi menikmati hasilnya," katanya.

Pengunjung diberi penerangan mengenai varieti anggur yang boleh berbuah subur di negara ini selain diberi pendedahan mengenai aspek pembajaan, kawalan penyakit dan teknik membuah anggur.

Syed Norhaimi berkata, anggur boleh ditanam di atas tanah atau dalam pasu selain tidak memerlukan kawasan luas untuk hidup.

Situasi itu menyebabkan pokok ini sesuai ditanam di rumah kawasan perumahan yang mempunyai ruang terhad.

100 KILOGRAM

Baru-baru ini hampir 100 kilogram berjaya dijual kepada pengunjung yang teruja dengan produk anggur Malaysia.

Menurut Syed Norhaimi, lebih 300 pengunjung dari seluruh daerah termasuk dari Sabah kebetulan berada di Jerantut hadir ke PPT apabila mengetahui tawaran pembelian dibuka melalui



FARHANA HATIM Hashim (kiri), Hasi Zin menunjukkan anggur yang dipeti

media sosial.

"Pelanggan dibenarkan membeli sekitar 200-300 gram sahaja dengan harga RM10 untuk 200 gram bagi memberi peluang kepada lebih ramai penggemar anggur merasai produk tempatan," katanya.

TUNGGU TUAI

Anak perempuan Syed Norhaimi, Sharifah Irdina Syed Norhaimi, 21 mengakui projek tanaman anggur yang



ADA 20 variety anggur dari pelbagai negara seperti Ukraine di Pusat Pertanian Temin (PPT), Jerantut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	25

an ke Jerantut



SEORANG pengunjung teruja melihat anggur tempatan.



diusahakan ayahnya sejak tahun lepas sangat menjadi sekaligus menjadi destinasi pelancongan terbaharu di bandar Pelancongan Taman Negara.

Beliau yang berkhidmat sebagai pegawai penerangan di situ, turut menjaga tanaman diusahakan di pusat berkenaan.

Pelanggan Farhana Hatim Hashim, 38, dari Felda Sungai Nerek, Maran hadir semata-mata untuk membeli dan merasai anggur tempatan.

"Saya memang menunggu hari anggur dituai setelah mengetahuinya dari media sosial dan tiktok Syed Norhaimi. Saya berbangga bila hasrat hasrat merasai anggur 'buatan' Malaysia tertunai," katanya.

Rakannya Hasnah Mat Hassan, 47, dari Taman Setia Jasa Temerloh mengakui anggur Jerantut itu memiliki rasa dan kualiti setanding anggur dari negara asalnya.

"Dahulu anggur boleh dibeli di pasaraya, kini ia boleh dibeli di Taman Pertanian Temin yang diusahakan petani yang kreatif dan inovatif.

"Jabatan berkaitan diharap dapat memberi sokongan kepada petani untuk mengusahakan anggur berskala besar sebagai tarikan pelancong ke Jerantut bandar pelancongan negeri," katanya.



ah Mat Hassn dan Syed Norhaimi Syed k dan dijual di sini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2024	HARAKAH	TIMUR	14



Dr Mohamed Fadzli Hassan menyampaikan Anugerah Pertanian Dapur Hijau 2023.

Kelantan perkenal Usahawan Dapur Hijau

MACHANG: Usahawan Dapur Hijau diperkenalkan kerajaan negeri pada tahun 2022 dengan menaik taraf Program Dapur Hijau yang dilaksanakan sejak 2015.

Timbalan Menteri Besar, Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, program Dapur Hijau sehingga sekarang melibatkan 20,880 peserta dengan peruntukan disalurkan sebanyak RM1,724 juta.

Katanya, bertolak dari situ kerajaan negeri berhasrat memperkasakan Usahawan Dapur Hijau sebagai mentor kepada 1,800 peserta baharu.

"Bermula tahun 2015 sehingga Oktober 2022 kerajaan negeri membelanjakan RM1.21 juta untuk melaksanakan program berkenaan.

"Peruntukan itu bagi menyediakan kit Dapur Hijau yang berupa benih pertanian, baja dan racun serangga," katanya ketika merasmikan Ekspo Dapur Hijau di Taman Rekreasi Tok Bok pada Sabtu.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan wakil-wakil rakyat.

Sempena program itu, 42

pemenang mewakili parlimen dan seorang pemenang anugerah khas peringkat negeri dinobatkan sebagai Usahawan Dapur Hijau 2023.

Peserta dipilih di bawah kelolaan Urus Setia Pembangunan Wanita Kelantan (UPWK) dengan memfokus golongan armalah dan suri rumah.

Dr Mohamed Fadzli juga berkata, dana diperuntukan tahun 2024 ditambah kepada RM264,000 berbanding RM250,000 tahun lepas.

Kata beliau pakej sistem teknologi Fertigasi atau teknologi pertanian akan diperkasakan tahun ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2024	THE STAR	MUKA DEPAN	1

Welcomed **biz** initiatives

Entrepreneurs say Johor Baru is ideal for startups thanks to its location, but they want the Johor government to hold more programmes for their continued growth.

>2&3



Thriving showcase: Government promotional programmes allow for small businesses to market their unique products and services. — Courtesy photo

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

MORE comprehensive entrepreneurship programmes are needed by small business owners throughout Johor.

These initiatives are crucial for business growth, innovation and income generation among the state's diverse entrepreneurial community, not just in Johor Baru.

So says Maslinda Ahmad, 38, a promotion and road tour manager for Haos Ek, a beverage company.

"In my opinion, we focus too much on micro, small and medium enterprises (MSMEs) in Johor Baru," she said.

"There are also small businesses in other districts like Muar and Batu Pahat.

"Issues faced by MSMEs are inadequate business skills, insufficient market exposure and lack of access to capital.

"With the state's help, we can help grow local businesses outside of the city centre," she said during the One District, One Industry (SDSI 2.0) Southern Region Showcase at Angsana Mall Johor Baru.

Maslinda said such programmes could also help MSMEs expand their businesses beyond Johor.

Production manager, Muhammad Qutham Khairuddin, 30, of Rabbisyfina Food Industry, said monthly entrepreneurship programmes helped to keep small businesses sustainable until they could stand on their own.

"We are part of the Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) entrepreneurship tour in Johor Baru," he said.

"Johor Baru is ideal for new startups as they can gain exposure from local and Singaporean customers.

"But without such platforms and promotions from the state government, it will be hard."

Muhammad Qutham said his company's main product was noodles made from vegetables, and the brand had just entered the Singapore market.

BP Skyfood Sdn Bhd director Alan Christopher Vaz, 39, said good market exposure would help not only the business owner but also everyone involved in production.

He said the company's smoked banana chips product, were made from produce generated by farmers under the Federal Agricultural Marketing

Johor entrepreneurs laud state assistance

JB ideal for new startups but business owners say programmes should also focus on other parts of the state



Government promotional initiatives are crucial for small businesses to grow.

Authority (Fama) scheme.

"If our business succeeds, these farmers can generate passive income," he said.

"Most of them have small plots of land and sell their produce to Fama."

Vaz said the company was working closely with Fama to grow the business in Batu Pahat.

"Our main market is Kuala Lumpur but everything is processed at our factory in Batu Pahat. We hope to expand our business next year," he said.

Azfarina Enterprise manager Siti Sarinah Mad Amin, 44, said good exposure helped businesses understand the needs and demands of foreign markets, giving them a chance to com-

pete and grow.

"We specialise in pet food and have trained in Singapore, Thailand and the Philippines on how to make these products and adapt them to local demand.

"Every business needs exposure, whether through programmes or social media.

"It helps entrepreneurs understand their market better and learn from competitors," she said.

Lekker Food Enterprise founder Rafidah Samsubaha, 40, said she turned what she had learned from living in the Netherlands into a cookie business.

"Having a platform like this programme is important as it creates brand awareness, which

is fundamental to building a successful business.

"It also fosters consumer trust and loyalty, differentiates the brand in the marketplace, drives sales and enhances marketing efforts.

"By investing in strategies to increase brand awareness, small businesses can create a solid foundation for sustained growth and long-term success."

Rafidah said she used to sell her products in Singapore but after the pandemic, she shifted her business focus back to Malaysia and expanded the downstream product into door gifts and hampers to be less dependent on demand during festive seasons.

"We just opened our shop in

Bandar Baru Uda last year and hope to be able to send our products to every state in the country," she said.

SDSI visitor Chal Yeen King, 53, said comprehensive entrepreneurship programmes were important as they helped explain how to apply for government funding.

"Government funding is good because of the low interest rate, which small businesses can afford."

"It can help improve sales and ease business expansion," said Chal, who is the managing director of a mould fabrication company that exports its products to Singapore, Indonesia and Australia.

Factory bus driver K. Sritha-



Rafidah (left) promoting products at the One District, One Industry showcase in Johor Baru.



Siti Sarinah says good exposure helps businesses compete and grow.



Vaz says his company sources produce from farmers in Batu Pahat.